

WEBINAR HASIL SIRI 2/2023
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0
27 JULAI 2023

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Selepas menghantar SVDP 2.0 melalui mytax, tetapi sudah 2 minggu masih belum ada maklumbalas daripada pegawai. Bagaimana pihak pembayar boleh menghubungi pegawai berkenaan perkara ini?	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
2.	If tax agent help to submit client's undeclared Form BE via TAEF, must the tax agent inform IRB via email that the Form submitted is for participation in SVDP? If yes, which IRB email to notify?	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
3.	Adakah pembayar cukai akan diaudit semula oleh pihak LHDN setelah menyertai svdp	Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, tindakan audit / siasatan akan diambil sekiranya bayaran cukai PKPS 2.0 gagal dibuat mengikut peraturan bayaran yang ditetapkan.
4.	Saya kurang Lapor pendapatan tahun 2015-2017 dan telah disekat keluar negara kini. Boleh lagikah saya menyertai program PKPS 2.0	Boleh. Sila kemukakan pengakuan sukarela Tuan dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Peraturan bayaran bagi pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 adalah seperti berikut:</p> <p>1.1. Pembayar cukai hendaklah menjelaskan bayaran cukai seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis; atau b. Secara ansuran berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersetujui. Bayaran ansuran dibenarkan untuk dibuat sehingga 31 Mei 2024 tanpa perlu mengemukakan dokumen sokongan. <p>Jika pembayar cukai gagal menjelaskan bayaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Sekiranya tunggakan cukai masih tidak dibayar, tindakan undang-undang boleh diambil dan pembayar cukai boleh diaudit / disiasat di masa hadapan bagi tahun taksiran pengakuan sukarela dibuat.</p>
5.	<p>Jika pembayar cukai sudah mempunyai nombor cukai tapi belum pernah lapor, adakah pembayar cukai tersebut dikategorikan pembayar cukai baharu?</p>	<p>Pembayar cukai baharu yang dimaksudkan di bawah PKPS 2.0 ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pembayar cukai yang masih belum atau telah mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN); b. Pembayar cukai yang tidak mempunyai sebarang transaksi percukaian dalam rekod LHDNM (contoh: taksiran anggaran telah dibangkitkan / telah membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) di mana pembayar cukai dianggap telah membuat pilihan untuk tidak memfailkan BNCP dan potongan PCB dianggap cukai muktamad); dan / atau

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		c. Pembayar cukai yang pertama kali melaporkan pendapatan kepada LHDNM.
6.	The installment payment form need to apply from where? Thru MyTax? It doesn't have any button to click on MyTax after submission	Permohonan aturan bayaran ansuran perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax dengan menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0. Borang permohonan ansuran boleh didapati di Portal Rasmi LHDNM / MyTax.
7.	PC telahpun dikenakan anggaran dari LHDNM tetapi masih belum melapor borang B adakah PC boleh menyertai program ini?	Boleh, Bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan, sekiranya pendapatan yang dilaporkan dalam BNCP dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela.
8.	Salam. Bagaimana cara untuk membuat pengakuan? Atas talian atau hadir di pejabat LHDN. Terima kasih	<p>Bagi pembayar cukai baharu dan pembayar cukai sedia ada yang gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkaitan. Pengemukaan BNCP wajib dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Filing di Portal MyTax bagi BNCP yang telah tersedia dan boleh diakses secara dalam talian mengikut tahun taksiran. Bagi BNCP yang sudah tidak boleh diakses secara dalam talian, pengemukaan BNCP manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCP manual boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.</p> <p>Bagi pembayar cukai sedia ada yang telah mengemukakan BNCP sebelum ini dan mempunyai pendapatan tambahan untuk dilaporkan, pengemukaan sukarela adalah dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
9.	<p>Selepas isi Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0, perlukah saya isi juga borang B atau Borang C untuk tahun taksiran yang saya ingin laporkan itu?</p>	<p>Tidak perlu, bagi pembayar cukai sedia ada yang telah mengemukakan BNCP sebelum ini dan mempunyai pendapatan tambahan untuk dilaporkan, pengemukakan sukarela adalah dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
10.	<p>Merujuk kepada jawapan Pn. Mai sebentar tadi, berkenaan Taksiran Anggaran. Sekiranya PC mempunyai pendapatan tambahan, adakah kenaikan cukai yang telah dikenakan dalam Notis J akan dibatalkan?</p>	<p>Pembayar cukai layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya terdapat pelaporan tambahan cukai dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 berbanding dengan taksiran cukai anggaran yang telah dibangkitkan. Penalti yang telah dikenakan semasa taksiran anggaran tersebut dibangkitkan adalah dikekalkan.</p>
11.	<p>For instalment payment agreed by IRB which extends beyond 31 May 2024, kindly confirm the no-audit policy also apply.</p>	<p>Sekiranya lanjutan bayaran ansuran telah dipersetujui dan pembayar cukai patuh kepada aturan pembayaran ansuran tiada tindakan audit / siasatan akan diambil bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.</p>
12.	<p>bayaran instalment boleh dilanjutkan sehingga tarikh selepas 31 Mei 2024? dan polisi "tidak-akan-diaudit" juga terpakai?</p>	<p>Jawapan adalah sama dengan soalan No.11</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Adakah program ini terpakai bagi syarikat yg berdaftar dengan SSM?	Ya, PKPS 2.0 ini ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali kategori fail majikan.
14.	SVDP borang untuk additional income, declaration section mesti ditandatangani oleh pengarah syarikat ataupun boleh ditandatangani sesiapa yang diberi kuasa (authorised)?	Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 boleh ditandatangani oleh Pengarah Syarikat atau mereka yang diberi kuasa dalam syarikat tersebut.
15.	Selepas PKPS 2.0, tax amount boleh bayar by installment? Dan ada tempoh bayar?	Bayaran ansuran dibenarkan untuk dibuat sehingga 31 Mei 2024 tanpa perlu mengemukakan dokumen sokongan di mana permohonan aturan bayaran ansuran perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax dengan menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0. Jumlah ansuran dan tempoh ansuran adalah berdasarkan kepada Jadual ansuran yang diluluskan.
16.	Salam Sejahtera. Soalan saya, dari tahun taksiran berapa pembayar cukai patut kemukakan?	Tahun taksiran yang terlibat bagi PKPS 2.0 adalah seperti berikut:- a. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. b. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.
17.	Is it possible for the installment payment to extend beyond 31 May 2024 and no-audit policy apply?	Permohonan ansuran atas pengakuan sukarela yang dibuat, yang diterima dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran dan tempoh ansuran melangkaui 31 Mei 2024 adalah dibenarkan tanpa penganan kenaikan dan permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan. Tiada tindakan audit/siasatan akan diambil bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
18.	Adakah dgn menyertai webinar harini akan enroll secara automatik dlm programme pkps2.0 or mmg kena pergi ke branch?	<p>Penyertaian PKPS 2.0 adalah bukan secara automatik.</p> <p>Bagi pembayar cukai baharu dan pembayar cukai sedia ada yang gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkaitan. Pengemukaan BNCP wajib dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Filing di Portal MyTax bagi BNCP yang telah tersedia dan boleh diakses secara dalam talian mengikut tahun taksiran. Bagi BNCP yang sudah tidak boleh diakses secara dalam talian, pengemukaan BNCP manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCP manual boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.</p> <p>Bagi pembayar cukai sedia ada yang telah mengemukakan BNCP sebelum ini dan mempunyai pendapatan tambahan untuk dilaporkan, pengemukaan sukarela adalah dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
19.	PC sedia ada kurang Lapor pendapatan TT2022 disebabkan pendapatan ini daripada perkongsian lain Yang baru diterima selepas Borang B beliau telah dilaporkan. Blh PC lapor di bwh PKPS2.0 ?	<p>Tidak boleh, Tahun taksiran yang terlibat bagi PKPS 2.0 adalah seperti berikut:-</p> <p>a. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p> <p>b. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
20.	Dari tahun taksiran berapa yang pembayar cukai boleh kemukakan?	<p>Tahun taksiran yang terlibat bagi PKPS 2.0 adalah seperti berikut:-</p> <p>a. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p> <p>b. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.</p>
21.	Bagaimana untuk ahli perkongsian yang telah keluar tetapi belum melaporkan pendapatan perniagaan untuk tahun semasa ahli bersama dalam perniagaan. Adakah ahli2 perkongsian perlu meminta persetujuan?	<p>Tidak perlu, pembayar cukai telah gagal untuk melaporkan pendapatan perkongsian pada masa yang sepatutnya. Pembayar cukai hendaklah melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
22.	IRB's FAQ (no.17): "stipulated period" merujuk kepada lumpsum dlm 30days dari tarikh notis atau dari jadual instalment sehingga 31.5.24?	<p>Tempoh yang ditetapkan adalah merujuk kepada tempoh bayaran cukai yang perlu dibuat iaitu sama ada dalam tempoh 30 hari bagi bayaran sekaligus atau tempoh yang sepatutnya mengikut jadual ansuran yang telah ditetapkan.</p>
23.	Sekiranya telah menerima JA form berserta penalti sebelum 1 Jun 2023 (tidak diaudit), adakah masih blh dikecualikan daripada penalti melalui rayuan atau cara lain?	<p>Tidak boleh, walau bagaimanapun rayuan masih boleh dibuat mengikut prosedur rayuan yang sedang berkuat kuasa.</p>
24.	Bagaimana nak buat pengakuan bawah PKPS 2.0 ini?	<p>Bagi pembayar cukai baharu dan pembayar cukai sedia ada yang gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkaitan. Pengemukaan BNCP wajib dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Filing di Portal MyTax bagi BNCP yang telah tersedia dan boleh diakses secara dalam</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>talian mengikut tahun taksiran. Bagi BNCP yang sudah tidak boleh diakses secara dalam talian, pengemukaan BNCP manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCP manual boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.</p> <p>Bagi pembayar cukai sedia ada yang telah mengemukakan BNCP sebelum ini dan mempunyai pendapatan tambahan untuk dilaporkan, pengemukaan sukarela adalah dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
25.	Jika sertai SVDP pada hari terakhir program, bagaimanakah bayaran cukai perlu dibuat? Perlu tunggu JA dikeluarkan sebelum bayaran di buat?	Pembayar hendaklah menjelaskan bayaran cukai dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran.
26.	Tahun Taksiran (TT) 2009 - Dah kena tax audit ; TT 2020 dan 2021 - tiada tax audit - soalan : boleh kah tt 2020 dan 2021 layak SVDP 2.0?	Pembayar cukai layak menyertai PKPS 2.0 bagi tahun taksiran dimana tindakan audit / siasatan belum dimulakan.
27.	Adakah LHDN akan buka file/case yang telah dihantar melalui svdp sekiranya LHDN dapat mengenalpasti fraud/negligence based on act 91(3)	<p>Pembayar cukai hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat adalah tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.</p> <p>Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat. Walau bagaimanapun tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat sekiranya bayaran cukai atas pengakuan</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		sukarela gagal dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.
28.	Saya berhenti bekerja pada 2013, dan kini bekerja semula. Perlu tak saya laporkan pendapatan. Dan sebelum ni pun saya tak pernah declare sbb pangajian yg sedikit.	Pembayar cukai layak untuk menyertai PKPS 2.0 jika mempunyai pendapatan yang layak dikenakan cukai tetapi tidak pernah dilaporkan kepada LHDNM.
29.	Sekiranya saya dikenakan audit sebelum ni (tahun lepas) tetapi tidak pernah mengemukakan apa2 dokumen. Adakah saya layak utk PKPS 2.0?	<p>Sekiranya pembayar cukai telah menerima surat memohon dokumen daripada LHDNM bagi tahun taksiran berkaitan, pembayar cukai adalah tidak layak menyertai PKPS 2.0 kerana audit dianggap telah bermula bagi tahun-tahun taksiran tersebut.</p> <p>Pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0 sekiranya tindakan audit belum bermula. Maksud audit bermula boleh dirujuk didalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi mengetahui status tindakan audit.</p>
30.	Sy tdk pernah isytihar cukai.Tp atas kesedaran sy telah mendaftar utk menyertai PKPS2.0. Ttp sebaik shj sy mendaftar dan log in MyTax, sy telah ada cukai tertunggak RM24K. Apa langkah perlu sy buat?	Tuan boleh menghubungi HASIL Live Chat, Hasil Care Line LHDNM di talian 03-8911 1000 atau kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran untuk menyemak rekod percukaian tuan.
31.	Saya baru declare tahun lepas. Tapi status tidak patuh. Tidak mengemukakan borang nyata cukai tahun 2019 & 2020. Jadi mcm mana nak buat. Maaf sebab kurang pengetahuan.	<p>PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.</p> <p>Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkenaan melalui perkhidmatan e-filing di portal MyTax.</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
32.	Saya x declare cukai semasa Zaman MCO disebabkan oleh income bekerja sendiri terumbang ambing, selepas tu sy dpt surat dr LHDN yg mengenakan cukai sebanyak 50,000	Tuan boleh menghubungi HASIL Live Chat, Hasil Care Line LHDNM di talian 03-8911 1000 atau kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran untuk menyemak rekod percukaian tuan.
33.	Hi, seseorang ada pekerjaan tetap dan membayar cukai setiap tahun. Tetapi hasil pendapatan dari perniagaan jenis tunggal. Adakah layak menyertai program ini.	PKPS 2.0 ini ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali kategori fail majikan. Pembayar cukai adalah layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya pengakuan sukarela dibuat dalam tempoh PKPS 2.0 dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
34.	Salam, PLT boleh dapat pkps?	PKPS 2.0 ini ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali kategori fail majikan.
35.	Kemudian sy declare, dan smp sekarang sy tidak dpt apa2 surat dr lhdn dengan declaration yg latest.	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
36.	Untuk setiap kategori yang disebut untuk join PKPS2.0 ini, boleh share step secara detail proses penghantaran borang cukai? 1) Pembayar Cukai(PC) Baru 2) PC terkurang lapor 3) PC prnh declare dan tak	Pembayar cukai / orang awam boleh merujuk maklumat berkenaan PKPS 2.0 melalui pautan berikut:- a. Garis Panduan Operasi Bil.2 Tahun 2023 dan Soalan Lazim di pautan (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) b. Risalah / slaid berkenaan Program Khas Pengakuan Sukarela di portal rasmi LHDNM > eduzone (https://www.hasil.gov.my/eduzone/slaid-poster-percukaian/)
37.	Salam. Bagaimana cara untuk saya berjumpa dengan pegawai LHDN KL bg membuat berbincang dan membuat pengakuan	Pembayar cukai boleh hadir/menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk membuat pengakuan sukarela.

NO.	SOALAN	JAWAPAN
38.	<p>Saya merupakan pemilik untuk syarikat sdn bhd dormant yang dah lama tak declare. Bolehkah kami memohon untuk program ni.</p>	<p>PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.</p> <p>Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkenaan melalui perkhidmatan e-filing di portal MyTax.</p> <p>PKPS 2.0 ini hanya terpakai kepada pengakuan sukarela yang menyebabkan taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan ke atas pembayar cukai kecuali bagi kes harga pindahan.</p>
39.	<p>Saya sedang diaudit bagi perniagaan enterprise saya sejak tahun lepas, jika saya buat pengakuan sekarang berdasarkan tahun yang diaudit tersebut adakah saya tidak akan dikenakan penalti juga?</p>	<p>Sekiranya pembayar cukai telah menerima surat memohon dokumen daripada LHDNM bagi tahun taksiran berkaitan, pembayar cukai adalah tidak layak menyertai PKPS 2.0 kerana audit dianggap telah bermula bagi tahun-tahun taksiran tersebut.</p> <p>Pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0 sekiranya tindakan audit belum bermula. Maksud audit bermula boleh dirujuk didalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi mengetahui status tindakan audit.</p>
40.	<p>Jika telah hantar borang bagi tahun 2021 kebelakang semasa PKPS2.0 ini secara online, berapa lama baru dapat tahu keputusan berjaya join PKPS2.0? Secara amnya berapa lama masa diambil?</p>	<p>Permohonan PKPS 2.0 akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat kelayakan PKPS 2.0 kecuali bagi kes yang melibatkan isu harga pindahan.</p>
41.	<p>Adakah pembayar cukai yg dijemput oleh LHDN utk Program Khas</p>	<p>Program ini diadakan dan dibuka penyertaan kepada pembayar cukai bagi</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
	Pengakuan Sukarela 2.0 mempunyai masalah dgn taksiran yg dilaporkan sebelum ini? Dan adakah pihak LHDN akan membuat follow up.	memaklumkan berkenaan pelaksanaan PKPS 2.0. Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi menyemak status percukaian.
42.	Adakah bayaran ansuran yang di mohon sepanjang PKPS2.0 akan dikecualikan cukai? atau hanya tahun yang berjaya join sahaja?	Pembayar cukai yang layak PKPS 2.0 dan telah diluluskan bayaran ansuran. Hendaklah mematuhi ansuran tersebut.
43.	Is withholding tax included in SVDP 2.0?	Cukai pegangan tidak termasuk dalam skop PKPS 2.0.
44.	Sudah hantar voluntary disclosure two weeks ago.. no feedback from irb yet..	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
45.	Bagaimana pula dengan Ahli perkongsian yang sudah keluar dari perniagaan tetapi pada belum melapor cukai taksiran untuk tahun semasa bersama dalam perniagaan.	Pembayar cukai telah gagal untuk melaporkan pendapatan perkongsian pada masa yang sepatutnya. Pembayar cukai hendaklah melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.
46.	Salam. Saya baru declare 2021. Tapi status tak patuh. Perlu declare 2019 dan 2020. Saya perlu buat smula untuk 2021 atau teruskan saja isi utk 2019 dan 2020. Maaf. Kurang pengetahuan.	PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.</p> <p>Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi memastikan tahun taksiran yang belum dihantar untuk tindakan lanjut.</p>
47.	<p>Sekiranya saya sertai PKPS 2.0, untuk individu, saya perlu isi Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0, dan submit melalui MyTax? Kalau cukai syarikat, adakah melalui tax agent portal?</p>	<p>Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut:</p> <p>a. Pembayar cukai baharu: Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP melalui Sistem TAeF.</p> <p>b. Pembayar cukai sedia ada:</p> <p>i. Tidak mengemukakan BNCP. Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP melalui Sistem TAeF.</p> <p>ii. Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan. Ejen cukai perlu log masuk ke Portal MyTax untuk mengemukakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai dengan menggunakan ID individu dan memilih Kategori Ejen Cukai.</p> <p>Ejen cukai perlu memasukkan maklumat pembayar cukai dengan memastikan maklumat pembayar cukai adalah tepat dan seterusnya memuat naik Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
48.	<p>Saya dah buat kiraan cukai untuk tahun taksiran yg lalu dan yg saya ingin laporkan melalui PKPS 2.0, tetapi cukai yang perlu dibayar adalah</p>	<p>PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
	RM0. Masih perlukan saya sertai PKPS 2.0 kalau cukai RM0?	LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
49.	Untuk kes yang di audit, sekiranya PC telah membuat permohonan PKPS2.0. pada 27.7.23. 2-3 hari kemudian baru dapat surat dan tarikh surat adalah sehari sebelum tarikh PC mohon iaitu 26.7.23. terbatal?	<p>Pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0 sekiranya tindakan audit belum bermula. Maksud audit bermula boleh dirujuk didalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi mengetahui status tindakan audit.</p>
50.	Sekiranya telah membuat pengakuan sukarela & menerima borang JA yg dikenakan penalti sebelum tarikh 1 Jun 2023, adakah masih boleh dikecualikan daripada penalti melalui rayuan atau mekanisma lain	Rayuan boleh dibuat melalui prosedur dan arahan yang sedang berkuatkuasa. Sila rujuk portal rasmi LHDNM di https://www.hasil.gov.my/syarikat/rayuan/
51.	Saya belum laporkan cukai pendapatan saya dari tahun 2018 dan seterusnya. Masalah saya, resit2 yang saya simpan dah pudar dan tak boleh dpt maklumat yg sebenar. Bolehkah saya buat nilai anggaran.	PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
52.	Untuk pembayar cukai sedia ada, bagaimana nak buat pernyataan utk tahun 2022 jika tidak boleh melalui PKPS 2.0 ini? Tq	Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi melaporkan pendapatan terkurang lapor bagi TT 2022.
53.	Bagaimana dengan pendapatan penggajian yg tidak dilaporkan pd tahun2 awal bekerja (tahun awal 90an) kerana merasakan pendapatan tidak sampai tahap dikenakan cukai, adakah perlu menyertai PKPS?	<p>PKPS 2.0 ini hanya terpakai kepada pengakuan sukarela yang menyebabkan taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan ke atas pembayar cukai kecuali bagi kes harga pindahan.</p> <p>Tahun taksiran yang terlibat bagi PKPS 2.0 adalah seperti berikut:-</p> <p>a. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p>

NO.	SOALAN	JAWAPAN
		b. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.
54.	Is it possible to use IRB's desktop (IRB's login details etc) at IRB's branch to submit SVDP 2.0?	Sekiranya pembayar cukai memerlukan bantuan untuk menyertai PKPS 2.0, pembayar cukai boleh hadir atau hubungi LHDNM Negeri yang berdekatan.
55.	Saya dah lapor tahun 2021. Tapi status tak patuh kerana tak declare tahun 2019 dan 2020. Adakah saya perlu isi semula dari 2019 sampai 2021 atau cuma isi untuk 2019 dan 2020 saja.	Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi memastikan tahun taksiran yang belum dihantar untuk tindakan lanjut.
56.	<p>Berkenaan PKPS2.0 yg bermula dari 6 Jun 2023 sehingga 31Mei 2024, adakah khidmat nasihat berkenaan kegagalan menghantar Borang Hasil Individu 2022 termasuk di dalam objektif program ini?</p> <p>Saya bertanyakan tentang perkara ini kerana, saya telah gagal menghantar Borang Hasil pada tahun ini disebabkan kekangan masa.</p> <p>bagaimanakah saya dapat membuat atau cara-cara untuk saya menghantar Borang Hasil?</p>	Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi memastikan tahun taksiran yang belum dihantar untuk tindakan lanjut.
57.	Jika Pembayar Cukai sedia ada kurang lapor pendapatan untuk TT2022 (kerana pendapatan daripada Perkongsian lain diterima selepas Borang B TT2022 telah dilapor), adakah PC layak untuk mengambil bahagian dalam PKPS2.0 dan lapor pendapatan yang kurang lapor ?	<p>Tidak layak PKPS, Tahun taksiran yang terlibat bagi PKPS 2.0 adalah seperti berikut:-</p> <p>a. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai baharu adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p> <p>b. Pelaporan pendapatan oleh pembayar cukai sedia ada bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.</p>